

08 MAY 2002

Mahathir-Strategi

UMAT ISLAM PERLU KURANGKAN MUSUH BAGI TANGANI MASALAH PALESTIN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata strategi utama yang perlu dilakukan umat Islam dalam menangani konflik di Palestin adalah dengan berusaha mengurangkan jumlah musuhnya dan sekaligus berusaha meraih sokongan dan simpati kebanyakan negara.

Beliau berkata ia merupakan satu strategi yang dilaksanakan oleh negara yang lemah dan umat Islam kini harus mengakui hakikat bahawa mereka adalah golongan yang lemah.

Katanya, umat Islam tidak boleh bertindak dalam keadaan yang marah kerana ia tidak akan memberi sebarang keuntungan dalam mencapai matlamat atau jalan penyelesaian.

"Malang sekali kalau bertindak mengikut hati kerana ia tidak akan dapat mencapai apa-apa matlamat, tetapi sekadar untuk memuaskan hati," katanya pada Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan di sini.

Turut memberikan syarahan ialah Presiden PAS Datuk Fadzil Noor.

Dr Mahathir berkata buat masa ini umat Islam perlu menggunakan cara diplomasi bagi mengurangkan sokongan negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat terhadap Israel.

Beliau berkata ada kalangan negara Eropah sendiri yang tidak menyetujui tindakan Israel yang menduduki bumi Palestin dan sekiranya mereka ini ditentang dan dimusuhi, umat Islam akan hanya berjaya menambahkan musuh.

"Kita tidak perlu bermusuhan dengan Eropah kerana kita ketahui bahawa ada juga orang Eropah sendiri adalah lebih anti-Yahudi dari Islam. Apa yang penting adalah kita kenalpasti musuh kita.

"Musuh yang perlu dikenalpasti adalah Israel terutamanya Perdana Menteri Ariel Sharon. Ini manusia yang bukan manusia ni...", katanya.

Menurutnya, umat Islam perlu berusaha supaya sokongan Amerika Syarikat kepada Israel dapat dikurangkan dan seterusnya negara itu dipulau dan dipencil oleh dunia.

"Walaupun kita marah dan sedih kerana kezaliman Israel yang begitu ketara boleh diterima oleh dunia tanpa dapat berbuat apa-apa, kemarahan kita juga tidak dapat membantu Palestin atau berjaya menghalang Israel dari membunuh rakyat Palestin," katanya.

"Saya sendiri akan temui Presiden Bush (Amerika Syarikat). Apa yang saya boleh buat, saya pun tak tahu. Tapi kita terima undangan orang. Dan yang penting kita berusaha terangkan (kepada) mereka mengenai isu Palestin. Yang penting usaha perlu dibuat," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun beliau mengakui bahawa serangan oleh pengebom berani mati sebagai amat berani, namun hakikatnya ia tidak berjaya mencapai sebarang matlamat.

Menurutnya, ia tidak berjaya membawa sebarang kemajuan, sebaliknya memburukkan keadaan.

"Sampai bila kita nak letup diri kita, kita ikut emosi. Ia tidak bawa kemajuan walau satu tapak sekalipun, malah memburukkan keadaan," katanya.

Beliau berkata walaupun ada sesetengah pihak di negara ini yang berhasrat untuk memikul senjata untuk turut menentang kezaliman Israel di Palestin, namun hakikatnya mereka yang berjuang dengan berani meletupkan diri sendiri sekalipun tidak berjaya mengubah keadaan.

"Kita juga lemah, sama seperti (Pertubuhan) Persidangan Negara-negara Islam (OIC), kita hanya boleh lihat..." "Oh I See". Bukan kita sahaja, malah seluruh negara Islam lemah. Bila lemah, kita perlu perancangan rapi cara

berjuang orang yang lemah. Ia akan mengambil masa yang panjang, tetapi yang penting adalah matlamat akan tercapai," katanya.

Dr Mahathir berkata semasa Presiden Palestin Yasser Arafat berkunjung ke negara ini dahulu, beliau telah berterus terang dengan Arafat dan mengatakan bahawa dia tidak akan dapat melihat Palestin merasai nikmat kemerdekaan yang sebenar semasa hayatnya.

"Dia (Yasser) akui, perjuangan Palestin akan mengambil masa yang panjang. Tapi yang penting adalah usaha perlu dilakukan," katanya.

Dr Mahathir berkata nasib orang Islam juga bertambah buruk selepas serangan di Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas apabila Ariel Sharon menggunakan alasan membanteras keganasan untuk menindas Palestin.

Katanya, 1.3 bilion umat Islam di dunia hari ini tidak dapat berbuat apa-apa terhadap keganasan Israel kerana kelemahan sendiri.

Sementara itu, Fadzil dalam syarahannya meminta OIC supaya memperbaiki kredibiliti dan seterusnya memainkan peranan sebagai payung kepada umat Islam.

Beliau berkata sudah sampai masanya bagi OIC memilih rakan dialog baru seperti Kesatuan Eropah (EU).

Katanya, Amerika Syarikat pula perlu keluar daripada dasar luarnya yang sarat dengan kebencian kepada umat Islam dan Palestin.

Menurut Fadzil, masyarakat dunia sebenarnya telah bosan dengan polisi (AS) yang menggunakan kekerasan kepada umat Islam atas nama memerangi keganasan.

"Umat Islam perlu memainkan peranan yang lebih besar selain memberi bantuan dalam bentuk sokongan, pasukan sukarelawan serta bantuan perubatan," tambahnya.

-- BERNAMA

AZH WNZ MOZ